

**8/3/2012**

#### **4 Mat Afrika telan 300 kondom dadah**

SEPANG: Empat lelaki Afrika yang menelan sekurang-kurangnya 300 kondom dan plastik berisi syabu berjaya ditahan sebaik mereka cuba melepasi pemeriksaan kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Datuk Zainul Abidin Taib, berkata mereka ditahan secara berasingan dengan tiga daripadanya pada 28 Februari lalu.

Menurutnya, kes pertama membabitkan penahanan seorang lelaki warga Nigeria berusia 30 tahun pada jam 7.45 malam selepas pegawai kastam mendapati imbasan imej meragukan di dalam badannya.

"Lelaki terbabit baru tiba di KLIA melalui penerbangan Egypt Air dari Kaherah, Mesir. Pemeriksaan lanjut mendapati suspek menelan 70 ketul dadah disyaki syabu seberat 1.3 kilogram (kg) yang bernilai RM319,000," katanya pada sidang media di sini, semalam. Zainul Abidin berkata, kes kedua membabitkan seorang rakyat Guinea berusia 37 tahun yang ditahan pada jam 8.50 malam pada hari berkenaan, iaitu selang sejam daripada tangkapan suspek pertama.

"Lelaki terbabit tiba dengan sebuah pesawat dari Cameron-Bangkok. Dia ditangkap selepas pemeriksaan pihak kastam menemui 75 ketul dadah seberat 1.6kg bernilai RM417,000.

"Tidak sampai setengah jam selepas tangkapan itu, seorang lagi lelaki Nigeria berusia 38 tahun yang baru tiba melalui pesawat sama turut ditahan.

"Dia gagal dalam pemeriksaan imbasan badan dan pemeriksaan seterusnya mendapati dia menelan 74 ketul dadah juga disyaki syabu seberat 1.2kg bernilai RM323,500," katanya.

Menurutnya, ketiga-tiga suspek terbabit dipercayai pertama kali memasuki Malaysia menggunakan pas lawatan sosial.

"Mereka ditahan reman selama 14 hari dan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya. Katanya, satu lagi kes turut membabitkan lelaki Nigeria, berusia 34 tahun yang ditahan pada Sabtu lalu.